PARAMETER UTAMA TANAMAN LAIN, W.P PUTRAJAYA, 2023



 Pegangan Pertanian	 Keluasan Bertanam ('000 ha)	 Keluasan Bertuai ('000 ha)	 Kuantiti Pengeluaran ('000 mt)	 Kuantiti Jualan ('000 mt)	 Nilai Jualan (RM juta)	 Pendapatan (RM juta)	 Perbelanjaan (RM juta)
---	--	---	---	--	---	---	---

	8	0.001	0.001	0.02	0.02	0.19	0.27	0.18
---	---	-------	-------	------	------	------	------	------

	6 (75.0%)	0.0005 (36.3%)	0.0005 (36.3%)	0.02 (93.9%)	0.02 (93.9%)	0.19 (98.7%)	0.25 (93.1%)	0.17 (94.2%)
---	--------------	-------------------	-------------------	-----------------	-----------------	-----------------	-----------------	-----------------

	2 (25.0%)	0.0008 (63.7%)	0.0008 (63.7%)	0.001 (6.2%)	0.001 (6.2%)	0.003 (1.3%)	0.02 (6.9%)	0.01 (5.8%)
---	--------------	-------------------	-------------------	-----------------	-----------------	-----------------	----------------	----------------

PARAMETER UTAMA BAGI LIMA KUMPULAN TANAMAN TERATAS, W.P PUTRAJAYA, 2023



	Tebu	Kekal Lain	Rempah Ratus	Jagung Manis	Serai
					
Pegangan Pertanian	1	1	1	3	1
Keluasan Bertanam	0.0004	0.00004	0.00000	0.00008	0.00001
Keluasan Bertuai	0.0004	0.00004	0.00000	0.00008	0.00001
Kuantiti Pengeluaran ('000 mt)	0.01	0.0004	0.00002	0.001	0.0001
Kuantiti Jualan	0.01	0.0004	0.00002	0.001	0.0001
Nilai Jualan (RM juta)	0.16	0.03	0.01	0.002	0.0004
Pendapatan (RM juta)	0.16	0.05	0.02	0.03	0.01
Perbelanjaan (RM juta)	0.11	0.03	0.009	0.02	0.009

Sumber: Banci Pertanian, 2024





AGRICULTURE HOLDING PROFILE OF OTHER CROPS, W.P PUTRAJAYA, 2023



Agriculture Holding

8

Individual : 6 (75.0%)

Establishment : 2 (25.0%)

CITIZENSHIP (PERSONS)



Malaysian

6

(100.0%)



Non-Malaysian

-

-

SEX (PERSONS)

Male

4

(66.7%)



Female

2

(33.3%)

AGE GROUP (PERSONS)

15 - 30 years



1

(16.7%)

31 - 45 years



2

(33.3%)

46 - 59 years



2

(33.3%)

60 years and above



1

(16.7%)

ETHNIC GROUP (PERSONS)



Bumiputera

6

(100.0%)



Chinese



Indian



Others

MARITAL STATUS (PERSONS)



Never Married

-



Married

6 (100.0%)



Divorced/ Separated

-



Widow/ Widower

-

HIGHEST CERTIFICATE ATTAINED (PERSONS)



Tertiary

6

(100.0%)



Secondary

-

-



Primary

-

-



No Certificate

-

-





KEY PARAMETER OF OTHER CROPS, W.P PUTRAJAYA, 2023



 Agriculture Holding	 Planted Area ('000 ha)	 Harvested Area ('000 ha)	 Production Quantity ('000 mt)	 Sales Quantity ('000 mt)	 Sales Value (RM million)	 Income (RM million)	 Expenditure (RM million)
--	---	---	--	---	---	--	---

	8	0.001	0.001	0.02	0.02	0.19	0.27	0.18
---	---	-------	-------	------	------	------	------	------

	6 (75.0%)	0.0005 (36.3%)	0.0005 (36.3%)	0.02 (93.9%)	0.02 (93.9%)	0.19 (98.7%)	0.25 (93.1%)	0.17 (94.2%)
---	--------------	-------------------	-------------------	-----------------	-----------------	-----------------	-----------------	-----------------

	2 (25.0%)	0.0008 (63.7%)	0.0008 (63.7%)	0.001 (6.2%)	0.001 (6.2%)	0.003 (1.3%)	0.02 (6.9%)	0.01 (5.8%)
---	--------------	-------------------	-------------------	-----------------	-----------------	-----------------	----------------	----------------

KEY PARAMETER FOR TOP FIVE CROPS GROUP, W.P PUTRAJAYA, 2023



	Sugarcane	Other Perennial Crops	Spices	Sweet Corn	Lemongrass
					
Agriculture Holding	1	1	1	3	1
Planted Area ('000 ha)	0.0004	0.00004	0.00000	0.00008	0.00001
Harvested Area ('000 ha)	0.0004	0.00004	0.00000	0.00008	0.00001
Production Quantity ('000 mt)	0.01	0.0004	0.00002	0.001	0.0001
Sales Quantity ('000 mt)	0.01	0.0004	0.00002	0.001	0.0001
Sales Value (RM million)	0.16	0.03	0.01	0.002	0.0004
Income (RM million)	0.16	0.05	0.02	0.03	0.01
Expenditure (RM million)	0.11	0.03	0.009	0.02	0.009

Source: Agriculture Census, 2024





PENEMUAN UTAMA

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

1.0 PENGENALAN

Laporan Banci Pertanian 2024 ini membentangkan parameter utama tanaman lain hasil dapatan Banci Pertanian 2024 bagi tahun rujukan 2023. Parameter yang dipaparkan dalam laporan ini meliputi bilangan pegangan pertanian yang terdiri daripada pegangan pertanian individu dan pertubuhan yang menjalankan aktiviti tanaman lain untuk tujuan jualan. Lokasi pegangan pertanian bagi aktiviti tanaman lain merujuk kepada lokasi tempat tinggal bagi pegangan pertanian individu, manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan merujuk kepada alamat pertubuhan berada. Selain itu, laporan ini turut mengandungi maklumat keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan, nilai jualan, pendapatan dan perbelanjaan mengikut negeri dan daerah pentadbiran. Maklumat bagi keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan, nilai jualan, pendapatan dan perbelanjaan adalah merujuk kepada lokasi di mana aktiviti penanaman tanaman lain dijalankan.

Setiap pegangan pertanian individu atau pegangan pertanian pertubuhan yang menjalankan aktiviti penanaman tanaman lain tidak semestinya mengusahakan satu jenis tanaman lain sahaja. Realitinya, terdapat pegangan pertanian sama ada individu atau pertubuhan terlibat dalam penanaman dua atau lebih jenis tanaman lain. Namun bagi tujuan analisis bilangan pegangan pertanian, bilangan individu atau pertubuhan tersebut adalah bersifat unik.

2.0 LATAR BELAKANG

Banci Pertanian 2024 meliputi 31 aktiviti penanaman tanaman lain mengikut kod Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2024. Walau bagaimanapun, bagi tujuan analisis dalam penerbitan laporan muktamad ini, tanaman lain dikelaskan semula mengikut 18 kumpulan tanaman lain seperti di Jadual 1:

Jadual 1: Kumpulan Tanaman Tanaman Lain

Kumpulan Tanaman	MSIC 2024	Keterangan MSIC
Bunga	01191	Penanaman bunga
	01195	Pengeluaran keratan bunga dan kudup bunga
	01289	Penanaman tanaman rempah ratus dan aromatik lain t.t.t.l.
	01301	Penanaman tumbuhan sebagai tanaman
	01302	Penanaman tumbuhan untuk tujuan hiasan
	01304	Operasi tapak semaian pokok (nurseries)
	01611	Aktiviti perkhidmatan penjagaan dan penyelenggaraan landskap nurseri
Halia	01284	Penanaman halia
Jagung Manis	01111	Penanaman jagung manis
Kelapa	01263	Penanaman kelapa (estet dan kebun kecil)
Kopi	01271	Penanaman kopi
Petai	01286	Penanaman pokok petai
Pinang	01295	Penanaman pokok pinang
Rempah ratus	01283	Penanaman pokok serai
	01284	Penanaman halia
	01289	Penanaman tanaman rempah ratus dan aromatik lain t.t.t.l.
	01302	Penanaman tumbuhan untuk tujuan hiasan
	02306	Pengusahasian dan pengeluaran herba dan tumbuhan ubatan

Kumpulan Tanaman	MSIC 2024	Keterangan MSIC
Roselle	01296	Penanaman pokok roselle
Rumbia/Sagu	01193	Penanaman sagu (rumbia)
Serai	01283	Penanaman pokok serai
Tanaman Kekal Lain	01112	Penanaman tanaman kekacang
	01139	Penanaman sayur-sayuran dan ubi lain t.t.t.l
	01229	Penanaman buah-buahan tropika dan subtropika lain t.t.t.l.
	01253	Penanaman kekacang yang boleh dimakan
	01294	Penanaman pokok nipah
	01299	Penanaman tanaman kekal lain t.t.t.l.
	01301	Penanaman tumbuhan sebagai tanaman
	02209	Pengusahasilan lain t.t.t.l
	02301	Pengusahasilan dan pengeluaran rotan dan buluh
	02309	Pengusahasilan, pengumpulan dan pengeluaran hutan bukan kayu lain t.t.t.l
Tanaman Tidak Kekal Lain	02209	Pengusahasilan lain t.t.t.l
Tebu	01140	Penanaman tebu
Teh	01272	Penanaman tanaman rempah ratus dan aromatik lain t.t.t.l.
Tembakau	01150	Penanaman tembakau
Tumbuhan	01111	Penanaman jagung manis
Makanan Ternakan	01119	Penanaman bijian berminyak dan bijirin lain t.t.t.l
	01194	Penanaman tumbuhan untuk makanan ternakan

2.1 Tanaman Kekal dan Tanaman Tidak Kekal

Tanaman lain meliputi penanaman tanaman jangka panjang yang dikenali sebagai tanaman kekal seperti kelapa dan kopi serta tanaman jangka pendek iaitu tanaman tidak kekal, antaranya jagung manis dan bunga. Kedua-dua jenis tanaman ini mempunyai ciri-ciri yang berbeza.

Tanaman kekal ialah tanaman yang mempunyai jangka hayat lebih dari setahun dan mengeluarkan hasil berulang kali. Pokok-pokok ini biasanya mengambil masa beberapa tahun untuk matang dan dapat mengeluarkan hasil lebih daripada dua musim sama ada dengan tumbuh semula selepas satu musim penanaman atau tumbuh berterusan.

Contoh tanaman kekal termasuk kelapa sawit, getah, durian, kelapa dan koko. Tanaman ini sering diusahakan secara besar-besaran dan memerlukan penjagaan rapi serta perancangan jangka panjang.

Kos permulaan untuk mengusahakan tanaman kekal adalah tinggi, namun, hasilnya boleh memberi pulangan yang lumayan untuk tempoh bertahun-tahun.

Sebaliknya, tanaman tidak kekal ialah tanaman yang mempunyai kitaran hidup yang singkat iaitu kurang daripada setahun dan perlu ditanam semula selepas setiap kali dituai. Tanaman ini biasanya hidup dalam tempoh beberapa bulan sahaja. Antara contoh tanaman tidak kekal ialah jagung manis, tebu dan serai. Kelebihan tanaman tidak kekal ialah hasilnya cepat diperolehi namun begitu, ia memerlukan kerja berulang berikutan perlu ditanam semula setiap musim dan penggunaan tanah secara berterusan boleh menyebabkan keletihan tanah jika tidak diurus dengan baik.

3.0 PARAMETER UTAMA

Dapatan Banci Pertanian 2024 merekodkan 40,145 pegangan pertanian yang menjalankan aktiviti tanaman lain pada tahun 2023. Jumlah keluasan bertanam yang direkodkan adalah 137.9 ribu hektar dengan keluasan bertuai merekodkan 134.3 ribu hektar. Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti tanaman lain mencapai 990.9 ribu tan metrik serta kuantiti jualan adalah 981.3 ribu tan metrik. Nilai jualan tanaman lain mencatatkan RM2,612.64 juta pada tahun 2023. Pendapatan tanaman lain pula merekodkan RM3,045.30 juta, manakala perbelanjaan merekodkan RM1,398.89 juta.


Berdasarkan pegangan pertanian, aktiviti penanaman tanaman lain lebih tertumpu kepada aktiviti tanaman kelapa dengan sumbangan 31.3 peratus (13,822 pegangan pertanian) dan diikuti oleh tanaman serai dengan 19.6 peratus (8,661 pegangan pertanian). Tanaman rempah ratus mencatatkan 13.9 peratus (6,145 pegangan pertanian), seterusnya tanaman jagung manis (10.1%) dan tanaman tebu (7.3%) menunjukkan sumbangan yang signifikan

kepada keseluruhan pegangan pertanian bagi aktiviti tanaman lain.

Melihat kepada nilai jualan, tanaman kelapa mendahului nilai jualan dalam tanaman lain dengan RM957.79 juta (36.7%), diikuti oleh tanaman bunga dengan RM861.26 juta (33.0%). Seterusnya, tanaman teh merekodkan RM223.36 juta (8.6%), tanaman halia RM143.38 juta (5.5%) dan tanaman jagung manis RM142.76 juta (5.5%).

Pahang merupakan penyumbang utama bagi aktiviti tanaman lain pada tahun 2023 dengan nilai jualan RM703.92 juta (27.0%). Ini diikuti oleh Johor yang mencatatkan RM665.46 juta dan menyumbang 25.5 peratus kepada jumlah nilai jualan tanaman lain. Seterusnya, Selangor menyumbang 12.8 peratus dengan nilai jualan RM334.69 juta.

Paparan 1: Parameter Utama Tanaman Lain, Malaysia, 2023



3.1 Pegangan Pertanian

Tanaman lain kekal sebagai komponen penting dalam ekosistem pertanian Malaysia, bukan sahaja sebagai penyumbang kepada kepelbagaian sumber makanan negara, malah menjadi pemangkin ekonomi luar bandar melalui aktiviti penanaman berorientasikan jualan.

Dapatan Banci Pertanian 2024 merekodkan 40,145 pegangan pertanian terlibat dalam aktiviti tanaman lain pada tahun rujukan 2023, merangkumi 38,801 pegangan pertanian individu (96.7%) dan 1,344 pegangan pertanian pertubuhan (3.3%).

Terengganu mencatatkan bilangan pegangan pertanian individu tertinggi iaitu 8,909 orang (23.0%), diikuti oleh Sarawak 5,847 orang (15.1%) dan Johor 5,329 orang (13.7%). Namun, bagi pegangan pertanian pertubuhan, Johor mendahului dengan 376 pertubuhan (28.0%), diikuti Pahang 235 pertubuhan (17.5%) dan Selangor 170 pertubuhan (12.6%).

Paparan 2: Bilangan dan Peratusan Pegangan Pertanian Tanaman Lain mengikut Negeri, Malaysia, 2023

		 Individu		 Pertubuhan		 Jumlah	
	Malaysia	38,801	100.0%	1,344	100.0%	40,145	100.0%
	Johor	5,329	13.7%	376	28.0%	5,705	14.2%
	Kedah	1,215	3.1%	65	4.8%	1,280	3.2%
	Kelantan	3,287	8.5%	13	1.0%	3,300	8.2%
	Melaka	757	2.0%	35	2.6%	792	2.0%
	Negeri Sembilan	579	1.5%	96	7.1%	675	1.7%
	Pahang	1,249	3.2%	235	17.5%	1,484	3.7%
	Perak	4,974	12.8%	138	10.3%	5,112	12.7%
	Perlis	215	0.6%	4	0.3%	219	0.5%
	Pulau Pinang	298	0.8%	60	4.5%	358	0.9%
	Sabah	4,117	10.6%	27	2.0%	4,144	10.3%
	Sarawak	5,847	15.1%	51	3.8%	5,898	14.7%
	Selangor	1,900	4.9%	170	12.6%	2,070	5.2%
	Terengganu	8,909	23.0%	37	2.8%	8,946	22.3%
	W.P. Kuala Lumpur	21	0.1%	33	2.5%	54	0.1%
	W.P. Labuan	98	0.3%	2	0.1%	100	0.2%
	W.P. Putrajaya	6	0.0%	2	0.1%	8	0.0%


3.1.1 Kewarganegaraan

Pegangan pertanian individu bagi warganegara merekodkan 38,250 (98.6%) berbanding pegangan pertanian individu bagi bukan warganegara yang merekodkan seramai 551 orang (1.4%).

Pulau Pinang, Perlis, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya mencatatkan 100.0 peratus

pegangan pertanian individu warganegara. Bagi negeri-negeri lain, komposisi warganegara direkodkan melebihi 95.0 peratus kecuali Sabah (89.4%). Sabah merekodkan komposisi bukan warganegara tertinggi iaitu 10.6 peratus.

Paparan 3: Bilangan dan Peratusan Pegangan Pertanian Tanaman Lain mengikut Kewarganegaraan, Malaysia, 2023




3.1.2 Jantina

Jumlah pegangan pertanian individu bagi aktiviti penanaman tanaman lain di Malaysia adalah seramai 38,801 orang yang terdiri daripada 31,791 lelaki (81.9%) dan 7,010 perempuan (18.1%). Semua negeri merekodkan bilangan pegangan pertanian individu lelaki melebihi perempuan. Dari perspektif pegangan pertanian lelaki, Perlis merekodkan komposisi tertinggi iaitu 91.2 peratus diikuti dengan Pulau Pinang

(89.3%) dan Pahang (87.5%). Manakala, W.P. Labuan merekodkan komposisi tertinggi bagi pegangan pertanian perempuan iaitu 40.8 peratus diikuti oleh Terengganu (26.5%) serta W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Putrajaya masing-masing dengan 33.3 peratus.

Paparan 4: Bilangan dan Peratusan Pegangan Pertanian Tanaman Lain mengikut Jantina, Malaysia, 2023




3.1.3 Kumpulan Umur

Pegangan pertanian individu yang berumur 60 tahun dan ke atas merekodkan 41.9 peratus atau 16,273 orang. Manakala, 3.6 peratus (1,387 orang) berumur 15 hingga 30 tahun. Seterusnya, 8,176 orang (21.1%) berada dalam kumpulan umur 31 hingga 45 tahun dan 12,965 orang (33.4%) dalam kumpulan umur 46 hingga 59 tahun.

Bagi pegangan pertanian individu berumur 60 tahun dan ke atas, W.P. Kuala Lumpur

mencatatkan komposisi tertinggi dengan 57.1 peratus. Ini diikuti oleh Perlis (54.4%) dan Pulau Pinang (53.0%). W.P. Putrajaya mendahului pegangan pertanian individu berumur 15 hingga 30 tahun dengan 16.7 peratus dan diikuti oleh Sabah, Terengganu dan Perak masing-masing dengan 5.3 peratus, 5.0 peratus dan 4.9 peratus.

Paparan 5: Bilangan dan Peratusan Pegangan Pertanian Tanaman Lain mengikut Kumpulan Umur, Malaysia, 2023




3.1.4 Kumpulan Etnik

Bagi komposisi mengikut kumpulan etnik, Bumiputera mendominasi dengan 34,371 pegangan pertanian individu (89.9%), diikuti etnik Cina 2,940 orang (7.7%), etnik India 757 orang (2.0%) dan etnik Lain-lain 182 orang (0.5%).

W.P. Putrajaya mencatatkan 100.0 peratus komposisi pegangan pertanian individu Bumiputera diikuti dengan Terengganu (98.7%) dan Kedah (96.7%). Bagi etnik Cina, Pahang mencatatkan komposisi pegangan

pertanian individu tertinggi dengan 27.0 peratus diikuti oleh Johor (20.7%) dan Pulau Pinang (17.4%). Negeri Sembilan merekodkan komposisi pegangan pertanian individu etnik India tertinggi 8.5 peratus diikuti oleh Perak (6.3%) dan Pahang (4.8%). W.P. Kuala Lumpur menunjukkan pegangan pertanian individu etnik Lain-lain tertinggi iaitu 5.0 peratus diikuti oleh Kelantan dan W.P. Labuan masing-masing mencatatkan 2.0 peratus.

Paparan 6: Bilangan dan Peratusan Pegangan Pertanian Tanaman Lain mengikut Kumpulan Etnik, Malaysia, 2023




3.1.5 Taraf Perkahwinan

Dari segi taraf perkahwinan, majoriti pegangan pertanian individu adalah berkahwin iaitu seramai 28,576 orang (74.7%). Manakala, yang berstatus balu/ duda seramai 6,221 orang (16.0%). Pegangan pertanian individu yang berstatus tidak pernah berkahwin adalah seramai 3,035 orang (7.8%). Seterusnya, yang bercerai/ berpisah, 555 orang (1.4%).

W.P. Putrajaya merekodkan pegangan pertanian individu tertinggi bagi yang berkahwin iaitu 100.0 peratus, diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur (85.7%) dan Perlis (80.0%). Bagi pegangan pertanian individu yang berstatus balu/ duda, Negeri Sembilan mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 22.8 peratus diikuti oleh Kelantan (20.5%).

Paparan 7: Bilangan dan Peratusan Pegangan Pertanian Tanaman Lain mengikut Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023




3.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Melihat kepada sijil tertinggi diperoleh, majoriti pegangan pertanian individu tanaman lain memiliki sijil di peringkat Menengah iaitu seramai 17,456 orang (45.0%), diikuti oleh Rendah iaitu 9,701 orang (25.0%).

Manakala, pegangan pertanian individu di peringkat Tiada Sijil merekodkan 8,115 orang (20.9 %) dan peringkat Tertiar 3,223 orang (9.1%).

Paparan 8: Bilangan dan Peratusan Pegangan Pertanian Tanaman Lain mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023



3.2 Keluasan Bertanam


Keluasan bertanam bagi aktiviti penanaman tanaman lain pada 2023 adalah 137.9 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, tanaman kelapa merekodkan keluasan bertanam terbesar iaitu 67.6 ribu hektar (49.0%), diikuti oleh tanaman bunga dengan keluasan bertanam 45.5 ribu hektar (33.0%). Seterusnya, tanaman jagung manis mencatatkan 5.6 ribu hektar (4.1%).

Johor mencatatkan keluasan bertanam terbesar iaitu 57.1 ribu hektar (41.4%). Ini diikuti oleh Perak dengan keluasan bertanam 14.0 ribu hektar (10.1%) dan Selangor, 13.0 ribu hektar (9.5%). Secara

keseluruhannya, keluasan bertanam bagi ketiga-tiga negeri ini meliputi 61.0 peratus (72.1 ribu hektar) daripada jumlah keluasan bertanam bagi tanaman lain.

Muar, Johor merupakan daerah pentadbiran yang mencatatkan jumlah keluasan bertanam terbesar bagi penanaman tanaman lain iaitu 42.3 ribu hektar, diikuti dengan Sabak Bernam, Selangor 11.2 ribu hektar dan Bagan Datuk, Perak 8.5 ribu hektar.

Paparan 9: Keluasan Bertanam Tanaman Lain mengikut Lima Negeri Teratas, Malaysia, 2023



3.3 Keluasan Bertuai

Keluasan bertuai bagi tanaman lain secara keseluruhannya adalah 134.3 ribu hektar pada 2023. Daripada jumlah keluasan bertuai tersebut, tanaman kelapa merekodkan keluasan bertuai terbesar iaitu 65.5 ribu hektar (48.8%) diikuti dengan tanaman bunga, 44.5 ribu hektar (33.2%). Seterusnya, tanaman jagung manis dengan 5.6 ribu hektar (4.2%) keluasan bertuai.


Johor mencatatkan keluasan bertuai terbesar iaitu 56.8 ribu hektar (42.3%).

Ini diikuti oleh Perak, 12.8 ribu hektar (9.6%) dan Selangor dengan 12.8 ribu hektar (9.6%).

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga negeri ini menyumbang 61.5 peratus (82.4 ribu hektar) kepada jumlah keluasan bertuai bagi penanaman tanaman lain pada tahun 2023.

Muar, Johor mencatatkan keluasan bertuai terbesar iaitu 42.3 ribu hektar diikuti oleh Sabak Bernam, Selangor seluas 11.1 ribu hektar dan Bagan Datuk, Perak seluas 7.9 ribu hektar.

Paparan 10: Keluasan Bertuai Tanaman Lain mengikut Lima Negeri Teratas, Malaysia, 2023



3.4 Kuantiti Pengeluaran


Tanaman lain mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 990.9 ribu tan metrik pada tahun 2023, diterajui oleh pegangan pertanian individu dengan jumlah pengeluaran tanaman lain sebanyak 590.0 ribu tan metrik (59.5%). Manakala, pegangan pertanian pertubuhan menyumbang sebanyak 401.0 ribu tan metrik (40.5%) bagi pengeluaran tanaman lain.

Pada tahun 2023, Selangor merupakan pengeluar tanaman lain tertinggi dengan merekodkan jumlah pengeluaran sebanyak 143.1 ribu tan metrik (24.3%) yang majoritinya disumbangkan oleh pegangan pertanian individu. Selain itu, Johor dan Kelantan turut menyumbang kepada pengeluaran tanaman lain dengan masing-masing mencatatkan kuantiti pengeluaran sebanyak 137.7 ribu tan metrik (23.3%) dan 88.2 ribu tan metrik (15.0%).

Manakala, pegangan pertanian pertubuhan disumbangkan oleh Johor dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 115.6 ribu tan metrik, mewakili 28.8 peratus daripada jumlah keseluruhan. Ini diikuti oleh Perak dan Pahang dengan sumbangan pengeluaran tanaman lain masing-masing sebanyak 113.7 ribu tan metrik (28.4%) dan 47.3 ribu tan metrik (11.8%).

Tanaman kelapa merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu 609.1 ribu tan metrik (61.5%). Seterusnya, tanaman bunga dengan 118.0 ribu tan metrik (11.9%) dan tanaman tebu, 71.9 ribu tan metrik (7.3%).

Paparan 11: Kuantiti Pengeluaran bagi Tiga Negeri Teratas bagi Tanaman Lain, Malaysia, 2023



3.5 Kuantiti Jualan dan Nilai Jualan

Pada tahun 2023, kuantiti jualan tanaman lain mencatatkan 981.4 ribu tan metrik dengan nilai jualan mencecah RM2,612.64 juta. Pegangan pertanian individu menyumbang sebahagian besar kuantiti jualan tanaman lain iaitu sebanyak 581.9 ribu tan metrik, mewakili 59.3 peratus daripada jumlah keseluruhan dengan merekodkan nilai jualan sebanyak RM1,102.34 juta (42.2%). Manakala, pegangan pertanian pertubuhan menyumbang kuantiti jualan sebanyak 399.5 ribu tan metrik (40.7%) dengan nilai jualan berjumlah RM1,510.30 juta (57.8%).


Bagi pegangan pertanian individu, Selangor merekodkan kuantiti jualan dan nilai jualan tanaman lain tertinggi iaitu masing-masing menyumbang sebanyak 140.4 ribu tan metrik (24.1%) dan RM232.17 juta (21.1%).

Manakala, Johor mencatatkan sumbangan kuantiti jualan berjumlah 134.1 ribu tan metrik

(23.1%) dengan nilai jualan sebanyak RM217.09 juta (19.7%). Seterusnya, Kelantan menyumbang kuantiti jualan tanaman lain sebanyak 87.9 ribu tan metrik (15.1%) dan nilai jualan RM141.10 juta (12.8%).

Bagi pegangan pertanian pertubuhan pula, Johor merekodkan kuantiti jualan tertinggi iaitu sebanyak 114.5 ribu tan metrik (28.7%) dengan nilai jualan berjumlah RM448.37 juta (29.7%). Ini diikuti oleh pegangan pertanian pertubuhan bagi negeri Perak dan Selangor dengan kuantiti jualan masing-masing menyumbang sebanyak 113.7 ribu tan metrik (28.5%) dan 47.2 ribu tan metrik (11.8%). Nilai jualan bagi Perak dan Selangor merekodkan RM205.01 juta (13.6%) dan RM102.52 juta (6.8%).

Paparan 12: Kuantiti Jualan mengikut Tiga Negeri Teratas bagi Tanaman Lain, Malaysia, 2023




Sabak Bernam, Selangor merekodkan kuantiti jualan tanaman lain tertinggi bagi pegangan pertanian individu sebanyak 129.5 ribu tan metrik dengan nilai jualan berjumlah RM208.62 juta. Ini diikuti Pontian, Johor yang menyumbang kuantiti jualan tanaman lain sebanyak 53.4 ribu tan metrik dengan nilai jualan bernilai RM92.08 juta. Bachok, Kelantan merekodkan kuantiti jualan tanaman lain sebanyak 44.1 ribu tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM69.67 juta.

Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Bagan Datuk, Perak merupakan penyumbang kuantiti jualan tanaman lain tertinggi berjumlah 60.0 ribu tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM96.60 juta. Manakala, Muar, Johor dan Sabak Bernam, Selangor masing-masing mencatatkan kuantiti jualan tanaman lain sebanyak 56.4 ribu tan metrik dan 37.4 ribu tan metrik dengan nilai jualan berjumlah RM212.65 juta dan RM60.69 juta.

Tanaman kelapa merekodkan kuantiti jualan tertinggi 600.8 ribu tan metrik (61.2%). Seterusnya, diikuti dengan tanaman bunga, 116.7 ribu tan metrik (11.9%) dan tanaman tebu dengan kuantiti jualan 71.9 ribu tan metrik (7.3%).

Kumpulan tanaman yang menyumbang kepada nilai jualan tertinggi adalah tanaman kelapa meliputi 36.7 peratus (RM957.79 juta), diikuti tanaman bunga 33.0 peratus dengan nilai jualan RM861.26 juta. Seterusnya, tanaman teh dengan nilai jualan berjumlah RM223.36 juta (8.6%).

Paparan 13: Nilai Jualan bagi Lima Negeri Teratas bagi Tanaman Lain, Malaysia, 2023



3.6 Pendapatan


Pada tahun 2023, jumlah pendapatan tanaman lain di Malaysia direkodkan sebanyak RM3,045.30 juta. Daripada jumlah ini, pegangan pertanian pertubuhan merupakan penyumbang utama dengan nilai RM1,911.86 juta (62.7%), manakala pegangan pertanian individu menyumbang RM1,133.44 juta (37.2%).

Pada tahun 2023, Pahang muncul sebagai penyumbang pendapatan tertinggi bagi tanaman lain dengan nilai RM943.43 juta (30.9%). Sumbangan ini tertumpu di Cameron Highlands yang merekodkan pendapatan sebanyak RM824.16 juta (27.1%), didorong oleh aktiviti tanaman teh dan tanaman bunga. Daerah pentadbiran lain seperti Bentong (RM58.75 juta) dan Kuantan (RM22.11 juta).

Johor mencatatkan pendapatan kedua tertinggi dengan jumlah RM690.02 juta (22.6%), dengan tumpuan utama di Muar yang menyumbang RM261.96 juta (8.6%). Pontian, Johor merekodkan RM98.90 juta dan Batu Pahat, Johor RM94.70 juta.

Selangor merekodkan pendapatan sebanyak RM373.28 juta (12.2%), disokong oleh aktiviti tanaman kelapa dan tanaman bunga. Sementara itu, Perak merekodkan RM286.00 juta dan Kelantan RM189.82 juta.

Paparan 14: Pendapatan bagi Lima Negeri Teratas bagi Tanaman Lain, Malaysia, 2023



3.7 Perbelanjaan


Pada tahun 2023, perbelanjaan bagi tanaman lain di Malaysia direkodkan sebanyak RM1,398.89 juta. Daripada jumlah ini, pegangan pertanian pertubuhan menyumbang perbelanjaan terbesar iaitu RM827.0 juta (59.1%), manakala pegangan pertanian individu merekodkan perbelanjaan sebanyak RM572.0 juta (40.9%).

Pahang mencatatkan perbelanjaan tertinggi dengan jumlah RM346.36 juta (24.8%), majoritinya berkaitan dengan aktiviti tanaman bunga dan teh. Johor menyumbang perbelanjaan sebanyak RM340.88 juta (24.4%), manakala Selangor merekodkan RM218.41 juta (15.6%).

Negeri Perak mencatatkan perbelanjaan sebanyak RM150.80 juta (10.8%), diikuti Kelantan dengan RM99.03 juta (7.1%). Negeri-negeri lain pula merekodkan perbelanjaan antara RM75 juta hingga RM180 juta.

Cameron Highlands, Pahang merekodkan perbelanjaan tertinggi tanaman lain sebanyak RM291.54 juta (20.8%). Seterusnya diikuti oleh Muar, Johor dengan RM148.58 juta (10.6%) dan Sabak Bernam, Selangor dengan RM168.39 juta (12.0%).

Paparan 15: Perbelanjaan bagi Lima Negeri Teratas bagi Tanaman Lain, Malaysia, 2023





RENCANA

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Industri Teh Malaysia:

Potensi, Cabaran dan Peluang Masa Hadapan

Noor Masayu Mhd Khalili¹, Siti Rabiah Abdul Rauf¹, Najihah Ahmad Latif²

¹Bahagian Petunjuk Ekonomi, ²Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar
Jabatan Perangkaan Malaysia

ABSTRAK

Industri teh di Malaysia merupakan salah satu subsektor pertanian bernilai tambah yang unik walaupun skala pengeluarannya kecil berbanding komoditi utama seperti kelapa sawit dan getah. Perkembangan industri ini telah melalui beberapa fasa penting sejak era kolonial sehingga kini, dipacu oleh perubahan teknologi, permintaan pasaran serta peranan sektor pelancongan. Artikel ini meneliti potensi pertumbuhan industri teh dengan menggabungkan analisis pengeluaran domestik, trend perdagangan antarabangsa dan dasar pertanian nasional. Selain mengenal pasti cabaran seperti penyusutan kawasan tanaman, kebergantungan kepada tenaga kerja tradisional, persaingan import dan perubahan iklim, artikel ini turut menggariskan peluang strategik yang dapat memacu semula industri teh melalui inovasi teknologi, diversifikasi produk dan pemerkasaan agro-pelancongan. Dapatan menunjukkan industri teh Malaysia mempunyai prospek positif sekiranya pendekatan pembangunan yang lebih holistik dilaksanakan.

1. PENGENALAN

Teh (*Camellia sinensis*) merupakan tanaman saka bernilai komersial yang terkenal di seluruh dunia dengan pelbagai kategori seperti teh hitam, teh hijau, teh putih, teh oolong dan teh pu'er. Malaysia bukan pengeluar utama dunia, namun ladang teh di Cameron Highlands dan Ranau memainkan peranan signifikan dalam sektor pertanian dan pelancongan. Walaupun keluasan tanaman hanya sekitar 2,100 hektar, industri ini terus menyumbang kepada ekonomi domestik termasuk melalui produk hiliran dan agro-pelancongan. Namun, perkembangan industri teh Malaysia berdepan tekanan daripada perubahan iklim, persaingan pasaran antarabangsa dan isu produktiviti. Justeru, analisis menyeluruh diperlukan bagi menilai potensi sebenar industri teh negara.

2. PERNYATAAN MASALAH

Walaupun industri teh di Malaysia telah bertapak sejak tahun 1920an, namun sektor ini masih belum berkembang secara optimum kerana beberapa isu utama:

- i. Keluaran domestik tidak stabil, dipengaruhi faktor cuaca, penyakit tanaman dan kos operasi.
- ii. Keluasan tanaman semakin terhad akibat tekanan pembangunan tanah tinggi.
- iii. Persaingan import yang ketara, terutama dari Indonesia, China, Kenya dan India yang menawarkan harga lebih rendah.
- iv. Tahap mekanisasi rendah, menyebabkan produktiviti bergantung kepada buruh asing.

- v. Kurangnya inovasi produk, sedangkan permintaan global meningkat untuk teh premium, organik dan minuman berasaskan kesihatan.
- vi. Aset agro-pelancongan kurang dimaksimumkan meskipun Malaysia memiliki kelebihan landskap semula jadi.

Keadaan ini menimbulkan persoalan penting:

Apakah potensi industri teh Malaysia untuk berkembang dalam jangka Panjang dan bagaimanakah cabaran sedia ada dapat ditangani?

3. OBJEKTIF KAJIAN

Artikel ini bertujuan untuk:

- i. Menganalisis prestasi pengeluaran dan keluasan tanaman teh di Malaysia (2015–2022).
- ii. Menilai kedudukan Malaysia dalam perdagangan teh antarabangsa.
- iii. Mengenal pasti cabaran utama yang menjejaskan daya saing industri.
- iv. Menganalisis peluang pertumbuhan baharu termasuk inovasi, produk hiliran dan agro-pelancongan.
- v. Mencadangkan pendekatan strategik bagi memperkukuh potensi industri teh Malaysia.

4. SOROTAN LITERATUR

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan industri teh global berkembang seiring peningkatan permintaan terhadap produk bernilai tinggi seperti teh organik, teh premium dan teh berasaskan kesihatan (MARDI, 2020). Malaysia pula dikenal pasti mempunyai potensi unik kerana teh Cameron Highlands membawa identiti geografi yang boleh dipasarkan sebagai jenama eksklusif.

Beberapa kajian (Jabatan Pertanian; SUA 2018-2022) melaporkan bahawa pengeluaran teh di Malaysia dipengaruhi oleh faktor ekologi tanah tinggi, perubahan iklim serta amalan agronomi. Pada masa yang sama, Malaysia External Trade Statistics (METS) menunjukkan Malaysia aktif dalam perdagangan teh, dengan Thailand, Singapura dan China sebagai destinasi eksport utama.

Kajian MARDI (2020) turut menekankan bahawa inovasi teknologi, pemodenan ladang dan pengembangan produk hiliran adalah faktor kritikal yang menentukan daya saing industri teh negara pada masa hadapan.

5. METODOLOGI

Artikel ini menggunakan pendekatan analisis deskriptif berasaskan:

- i. Sumber Data Sekunder
 - a. Statistik tanaman teh Malaysia (Jabatan Pertanian, 2015–2022)
 - b. Data perdagangan (Malaysia External Trade Statistics–METS)
 - c. SUA Komoditi Pertanian
 - d. Laporan teknikal MARDI & kajian industri

ii. Kaedah Analisis

- a. Trend lapan (8) tahun pengeluaran dan keluasan
- b. Perbandingan negeri pengeluar utama
- c. Analisis import-eksport mengikut negara
- d. Interpretasi naratif cabaran dan potensi berdasarkan literatur dan data

Pendekatan ini membolehkan analisis yang seimbang antara data empirikal dan penilaian kualitatif industri.


6. DAPATAN DAN ANALISIS

Bahagian ini membentangkan dapatan dan analisis prestasi industri teh di Malaysia berdasarkan data sekunder daripada Jabatan Pertanian Malaysia dan Malaysia External Trade Statistics (METS). Analisis merangkumi trend pengeluaran dan keluasan tanaman teh bagi tempoh 2015 hingga 2022, taburan kawasan penanaman mengikut negeri serta corak perdagangan antarabangsa melibatkan aktiviti eksport dan import teh negara. Dapatan kajian diuraikan secara deskriptif melalui penggunaan carta dan jadual bagi mengenal pasti perubahan trend, sumbangan relatif antara negeri pengeluar utama serta kedudukan Malaysia dalam perdagangan teh global. Analisis ini turut mengambil kira pengaruh faktor luaran seperti perubahan iklim, permintaan pasaran dan struktur industri bagi memberikan gambaran menyeluruh terhadap prestasi semasa, cabaran yang dihadapi serta potensi pembangunan industri teh Malaysia secara mampan.

6.1 Prestasi Pengeluaran

Pada tahun 2020, hasil pengeluaran tanaman teh telah meningkat sebanyak 2,774.0 tan metrik iaitu sebanyak 42.0 peratus peningkatan dari tahun 2019 kesan daripada pemulihan permintaan. Namun pada tahun 2021, pengeluaran tanaman teh menurun sebanyak 2,168.5 tan metrik. Hal ini berikutan perubahan cuaca dan iklim, serangan perangga perosak dan penyakit, serta pengurusan amalan pertanian yang kurang baik. Pada tahun 2022, Malaysia mencatat peningkatan tertinggi dalam pengeluaran hasil tanaman teh sebanyak 8,656.8 tan metrik iaitu sebanyak 119.6 peratus berbanding tahun sebelumnya. Ini disebabkan oleh permintaan yang tinggi oleh penggemar teh dan prestasi ekonomi yang semakin memulih.

Carta 1: Pengeluaran Tanaman Teh di Malaysia, 2015-2022




Sumber: Jabatan Pertanian Malaysia

6.2 Keluasan Tanaman

Seiring dengan pengeluaran teh, keluasan bagi tanaman teh menunjukkan penurunan sebanyak 29.5 peratus (676.7 hektar) pada 2019 berbanding 2,295.6 hektar pada 2018. Namun keluasan tanah yang digunakan meningkat pada 2021 iaitu sebanyak 155.0 hektar (7.5%). Seterusnya, pada 2022 keluasan bertanam menurun semula sebanyak 2.4 peratus (54.1 hektar) dengan keluasan sebanyak 2,214.5 hektar.

Carta 2: Keluasan Tanaman Teh di Malaysia, 2015-2022



Sumber: Jabatan Pertanian Malaysia


Keluasan tanaman menunjukkan penurunan sejak 2018, terutama di Cameron Highlands disebabkan tekanan pembangunan dan kekangan guna tanah. Walaupun sedikit peningkatan berlaku pada 2021, trend keseluruhan menunjukkan tanah tinggi semakin terhad untuk perluasan penanaman.

6.3 Taburan Tanaman

Kawasan penanaman teh pada mulanya tertumpu di Pahang, Selangor, Perak, Johor, Kedah, Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, teh hanya ditanam di Pahang, Selangor dan Sabah disebabkan oleh pengurangan kawasan penanaman teh. Di Malaysia, penanaman teh terutama tertumpu di negeri-negeri yang mempunyai iklim dan ketinggian yang sesuai untuk tanaman teh.

Carta 3 menunjukkan pengeluaran teh bagi dua negeri yang tertinggi pada tahun 2022 iaitu Pahang menyumbang sebanyak 15,746.1 tan metrik iaitu 99.1 peratus daripada keseluruhan pengeluaran teh di Malaysia dengan keluasan berhasil sebanyak 1,915.5 hektar di daerah Cameron Highlands. Ini diikuti dengan pengeluaran teh di Ranau, Sabah sebanyak 137.3 tan metrik (0.86%) dengan keluasan berhasil sebanyak 50.3 hektar.

Carta 3: Pengeluaran dan Keluasan Bertanam Tanaman Teh Mengikut Negeri, 2022



Sumber: Jabatan Pertanian Malaysia

Berdasarkan carta 3, keluasan bertanam tanaman teh, negeri yang tertinggi menyumbang ialah Pahang iaitu sebanyak 1,932.2 hektar (91.1%). Negeri Sabah merupakan negeri kedua tertinggi dalam keluasan penanaman teh iaitu 188.3 hektar (8.9%).

6.4 Perdagangan Antarabangsa

Perdagangan teh terbahagi kepada dua iaitu import dan eksport. Walaupun Malaysia dapat menghasilkan penanaman teh sendiri, terdapat jenis-jenis teh yang mempunyai permintaan yang tinggi di Malaysia dan harus diimport dari negara-negara lain bagi memenuhi permintaan domestik.

Menurut sumber statistik di Malaysia External Trade Statistics (METs), Malaysia juga terlibat dalam mengeksport teh kepada negara-negara lain seperti Thailand, Singapura, China, Indonesia, Cambodia, Venezuela, Sri Lanka dan Taiwan. Malaysia adalah antara pengeluar teh dunia dan menunjukkan bahawa Malaysia merupakan salah satu negara pengeluar teh yang berkualiti di antara negara-negara pengeluar teh di dunia.

Thailand merupakan destinasi eksport teh Malaysia yang utama pada tahun 2022 dengan 2.9 juta tan metrik dan diikuti oleh Singapura dengan jumlah sebanyak 306.7 ribu tan metrik, China sebanyak 191.9 ribu tan metrik, Indonesia sebanyak 59.2 ribu tan metrik dan Cambodia 31.1 ribu tan metrik.

Jadual 1: Negara Destinasi Eksport Teh, 2022

Negara	Eksport ('000 mt)
Thailand	2,893.2
Singapura	306.7
China	191.9
Indonesia	59.2
Cambodia	31.1
Filipina	16.3
Venezuela	14.9
Sri Lanka	12.2
Taiwan	6.7

Jadual 2: Negara Sumber Import Teh, 2022

Negara	Import ('000 mt)
India	24,964.4
Indonesia	8,814.8
China	7,727.2
Vietnam	4,843.7
Singapura	4,728.3
Kenya	2,839.9
Argentina	775.3
Taiwan	698.8
Japan	455.8
Sri Lanka	432.7

Sumber: *Malaysia External Trade Statistics (METs)*

Selain itu, Malaysia juga mengimport teh dari negara-negara pengeluar teh yang lain. Antara negara-negara yang mengeksport teh ke Malaysia adalah Indonesia, China, Vietnam, Kenya, India, Argentina, Taiwan, Singapura, Jepun dan Sri Lanka. Berdasarkan artikel kajian daripada Pusat Penyelidikan Sosio Ekonomi, Risiko Pasaran dan Agribisnis yang bertajuk “Transformasi Industri Teh Di Malaysia”, Malaysia mengimport dua jenis teh yang utama iaitu teh hitam dan teh hijau bagi menampung permintaan domestik. Pengimportan kedua-dua jenis teh tersebut adalah dalam paket kurang daripada 3 kg dan paket lebih daripada 3 kg. Ini menunjukkan jenis teh ini menjadi permintaan yang tinggi pada pasaran di Malaysia.

Pada tahun 2022 India merupakan negara pengimport utama teh dari Malaysia iaitu sebanyak 25.0 juta tan metrik. Selain itu, Indonesia merupakan negara kedua dalam mengimport teh dari Malaysia iaitu 8.8 juta tan metrik, diikuti negara China sebanyak 7.7 juta tan metrik, Vietnam sebanyak 4.8 juta tan metrik dan Singapura 4.7 juta tan metrik.

7. CABARAN INDUSTRI

Industri teh di Malaysia berdepan dengan beberapa cabaran yang memberi kesan kepada produktiviti, daya saing dan kelestarian jangka panjang. Salah satu cabaran utama ialah luas kawasan penanaman yang semakin mengecil, terutama di Cameron Highlands, disebabkan tekanan pembangunan tanah tinggi, persaingan guna tanah dan peralihan kepada tanaman lain yang lebih menguntungkan. Tambahan pula, kebergantungan kepada tenaga kerja tradisional juga mengekang keupayaan ladang untuk meningkatkan hasil, memandangkan aktiviti seperti pemetikan daun teh masih memerlukan buruh yang ramai. Kos tenaga kerja yang meningkat dari tahun ke tahun turut mewujudkan tekanan terhadap margin keuntungan, khususnya bagi ladang kecil dan pengusaha baharu. Selain itu, teknologi pemprosesan yang masih berintensifkan buruh menyebabkan kapasiti pengeluaran sukar ditingkatkan secara signifikan berbanding negara pengeluar utama yang telah banyak melabur dalam automasi dan mekanisasi.

Cabaran lain termasuk persaingan yang semakin hebat daripada teh import murah, terutamanya dari Indonesia, China, India dan Kenya, yang lebih kompetitif dari segi harga dan skala pengeluaran. Ini menyebabkan teh tempatan sukar bersaing dalam pasaran dan bergantung kepada pasaran *niche* untuk mengekalkan kedudukan. Perubahan iklim turut memberi kesan kepada tanaman teh, terutamanya di kawasan tanah tinggi Malaysia yang sensitif terhadap suhu, taburan hujan dan penyakit tanaman. Keadaan cuaca tidak menentu boleh menjejaskan jumlah pengeluaran dan kualiti daun teh yang dipetik. Tambahan pula, tahap pelaburan dalam R&D untuk varieti teh baharu, teknologi pascatuai dan pembangunan produk hiliran masih terhad, sekali gus melambatkan inovasi dalam sektor ini. Akhir sekali, kebanyakan syarikat teh tempatan masih mengamalkan model perniagaan yang kurang dipelbagaikan, dengan tumpuan terhad kepada pengeluaran teh pek atau uncang konvensional, sedangkan peluang dalam produk premium, minuman siap minum dan ekopelancongan masih kurang dimanfaatkan.

8. PELUANG INDUSTRI

Walaupun menghadapi pelbagai cabaran, industri teh Malaysia mempunyai potensi pertumbuhan yang besar sekiranya digarap melalui pendekatan strategik. Permintaan global terhadap produk teh premium, organik dan berasaskan kesihatan semakin meningkat, sekali gus membuka peluang kepada pengeluar tempatan untuk memposisikan teh Malaysia sebagai produk bernilai tinggi. Teh organik dari Sabah dan teh Cameron Highlands yang dihasilkan di kawasan tanah tinggi beriklim sejuk berpotensi untuk dipasarkan sebagai produk eksklusif melalui pelabelan geografi (*Geographical Indication*, GI). Selain itu, perkembangan pasaran minuman moden seperti matcha, teh RTD (*ready-to-drink*), teh herba dan produk inovatif lain memberi ruang luas kepada pengusaha tempatan untuk menghasilkan produk hiliran bernilai tambah tinggi.

Industri teh juga memiliki potensi besar dalam sektor agro-pelancongan, memandangkan ladang teh merupakan antara destinasi pelancongan paling ikonik di Malaysia. Pemandangan ladang menghijau, lawatan kilang pemprosesan, serta pengalaman “tea tasting” memberikan nilai tambah yang signifikan kepada ekonomi setempat, mencipta limpahan rezeki kepada komuniti melalui kafe, penginapan, pemandu pelancong dan produk tempatan. Peluang juga wujud melalui penerapan teknologi baharu seperti automasi pemetikan, penggunaan sensor pertanian pintar, dron dan sistem pemantauan tanaman yang dapat meningkatkan kecekapan ladang, mengurangkan kos operasi dan menambah baik kualiti daun. Di samping itu, terdapat prospek besar dalam pembangunan produk hiliran bernilai tambah tinggi termasuk teh campuran herba tempatan, teh berfungsi, minuman siap minum serta produk kosmetik berasaskan teh, sejajar dengan permintaan pengguna moden yang mahukan variasi dan inovasi. Kerajaan melalui pelbagai dasar pertanian turut menyediakan insentif kepada industri bernilai tinggi, memberi peluang kepada pengusaha teh tempatan untuk memperkukuh rantai nilai, meningkatkan kapasiti eksport dan menembusi pasaran *niche* di peringkat antarabangsa.

9. KESIMPULAN

Industri teh Malaysia memiliki potensi besar untuk berkembang semula sebagai subsektor bernilai tinggi. Walaupun berdepan cabaran seperti tekanan guna tanah, kos buruh dan persaingan import, kelebihan Malaysia dalam pengeluaran teh premium tanah tinggi serta kekuatan sektor agro-pelancongan menyediakan asas kukuh untuk pertumbuhan.

Potensi masa depan industri bergantung kepada keupayaan untuk memodenkan operasi ladang, meningkatkan R&D, membangunkan produk hiliran bernilai tinggi, serta memanfaatkan penjenamaan identiti geografi. Dengan strategi yang tepat, industri teh Malaysia dapat muncul sebagai pemacu pertumbuhan agromakanan dan ikon pelancongan negara menjelang 2030.

10. PENAFIAN

Pandangan yang diutarakan adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan DOSM.

11. RUJUKAN

MARDI (2020). Transformasi Industri Teh di Malaysia.

Jabatan Pertanian Malaysia (2015–2022). Statistik Tanaman Malaysia.

Malaysia External Trade Statistics (METS), Pelbagai Edisi.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2023). Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih.

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (2023). Perangkaan Agromakanan Malaysia 2022.



JADUAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Jadual 1.0: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Lain mengikut Negeri, Malaysia, 2023*Table 1.0: Agriculture Holding for Other Crops by State, Malaysia, 2023*

Negeri State	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Malaysia	38,801	96.7	1,344	3.3	40,145	100.0
Johor	5,329	93.4	376	6.6	5,705	100.0
Kedah	1,215	94.9	65	5.1	1,280	100.0
Kelantan	3,287	99.6	13	0.4	3,300	100.0
Melaka	757	95.6	35	4.4	792	100.0
Negeri Sembilan	579	85.8	96	14.2	675	100.0
Pahang	1,249	84.2	235	15.8	1,484	100.0
Pulau Pinang	298	83.2	60	16.8	358	100.0
Perak	4,974	97.3	138	2.7	5,112	100.0
Perlis	215	98.2	4	1.8	219	100.0
Selangor	1,900	91.8	170	8.2	2,070	100.0
Terengganu	8,909	99.6	37	0.4	8,946	100.0
Sabah	4,117	99.3	27	0.7	4,144	100.0
Sarawak	5,847	99.1	51	0.9	5,898	100.0
W.P. Kuala Lumpur	21	38.9	33	61.1	54	100.0
W.P. Labuan	98	98.0	2	2.0	100	100.0
W.P. Putrajaya	6	75.0	2	25.0	8	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:

1. State refer to the location of agriculture holder's living quarters

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023

Table 1.1: Agriculture Holding for Other Crops by Administrative District, Malaysia, 2023

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Malaysia	38,801	96.7	1,344	3.3	40,145	100.0
Johor	5,329	93.4	376	6.6	5,705	100.0
Batu Pahat	538	88.9	67	11.1	605	100.0
Johor Bahru	311	88.9	39	11.1	350	100.0
Kluang	165	85.5	28	14.5	193	100.0
Kota Tinggi	230	85.2	40	14.8	270	100.0
Mersing	390	99.5	2	0.5	392	100.0
Muar	632	86.5	99	13.5	731	100.0
Pontian	661	97.6	16	2.4	677	100.0
Segamat	351	93.1	26	6.9	377	100.0
Kulai	1,637	98.0	33	2.0	1,670	100.0
Tangkak	414	94.1	26	5.9	440	100.0
Kedah	1,215	94.9	65	5.1	1,280	100.0
Baling	218	95.6	10	4.4	228	100.0
Bandar Baharu	17	81.0	4	19.0	21	100.0
Kota Setar	61	85.9	10	14.1	71	100.0
Kuala Muda	203	95.3	10	4.7	213	100.0
Kubang Pasu	137	98.6	2	1.4	139	100.0
Kulim	51	86.4	8	13.6	59	100.0
Langkawi	127	92.7	10	7.3	137	100.0
Padang Terap	122	98.4	2	1.6	124	100.0
Sik	145	100.0	-	-	145	100.0
Yan	60	98.4	1	1.6	61	100.0
Pendang	28	87.5	4	12.5	32	100.0
Pokok Sena	46	92.0	4	8.0	50	100.0
Kelantan	3,287	99.6	13	0.4	3,300	100.0
Bachok	872	99.9	1	0.1	873	100.0
Kota Bharu	539	99.1	5	0.9	544	100.0
Machang	204	99.5	1	0.5	205	100.0
Pasir Mas	287	100.0	-	-	287	100.0
Pasir Puteh	282	99.6	1	0.4	283	100.0
Tanah Merah	147	99.3	1	0.7	148	100.0
Tumpat	503	99.6	2	0.4	505	100.0
Gua Musang	66	98.5	1	1.5	67	100.0
Kuala Krai	234	99.6	1	0.4	235	100.0
Jeli	145	100.0	-	-	145	100.0
Jajahan Kecil Lojing	8	100.0	-	-	8	100.0

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 1.1: Agriculture Holding for Vegetable Crops by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd)

Daerah Pentadbiran Administrative District	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Melaka	757	95.6	35	4.4	792	100.0
Alor Gajah	265	97.8	6	2.2	271	100.0
Jasin	258	97.0	8	3.0	266	100.0
Melaka Tengah	234	91.8	21	8.2	255	100.0
Negeri Sembilan	579	85.8	96	14.2	675	100.0
Jelebu	93	96.9	3	3.1	96	100.0
Kuala Pilah	80	87.9	11	12.1	91	100.0
Port Dickson	111	94.9	6	5.1	117	100.0
Rembau	61	88.4	8	11.6	69	100.0
Seremban	171	80.3	42	19.7	213	100.0
Tampin	38	84.4	7	15.6	45	100.0
Jempol	25	56.8	19	43.2	44	100.0
Pahang	1,249	84.2	235	15.8	1,484	100.0
Bentong	223	93.3	16	6.7	239	100.0
Cameron Highlands	257	59.9	172	40.1	429	100.0
Jerantut	36	85.7	6	14.3	42	100.0
Kuantan	215	98.6	3	1.4	218	100.0
Lipis	62	92.5	5	7.5	67	100.0
Pekan	109	98.2	2	1.8	111	100.0
Raub	70	97.2	2	2.8	72	100.0
Temerloh	99	83.9	19	16.1	118	100.0
Rompin	68	93.2	5	6.8	73	100.0
Maran	36	90.0	4	10.0	40	100.0
Bera	74	98.7	1	1.3	75	100.0
Pulau Pinang	298	83.2	60	16.8	358	100.0
Seberang Perai Tengah	117	89.3	14	10.7	131	100.0
Seberang Perai Utara	88	84.6	16	15.4	104	100.0
Seberang Perai Selatan	49	79.0	13	21.0	62	100.0
Timur Laut	5	35.7	9	64.3	14	100.0
Barat Daya	39	83.0	8	17.0	47	100.0
Perak	4,974	97.3	138	2.7	5,112	100.0
Batang Padang	1,368	99.1	13	0.9	1,381	100.0
Manjung	564	98.3	10	1.7	574	100.0
Kinta	534	89.4	63	10.6	597	100.0
Kerian	92	97.9	2	2.1	94	100.0
Kuala Kangsar	532	98.9	6	1.1	538	100.0

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 1.1: Agriculture Holding for Vegetable Crops by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd)

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Larut Dan Matang	473	98.1	9	1.9	482	100.0
Hilir Perak	204	97.6	5	2.4	209	100.0
Hulu Perak	208	96.3	8	3.7	216	100.0
Perak Tengah	64	91.4	6	8.6	70	100.0
Kampar	62	89.9	7	10.1	69	100.0
Muallim	228	99.6	1	0.4	229	100.0
Bagan Datuk	590	98.8	7	1.2	597	100.0
Selama	55	98.2	1	1.8	56	100.0
Perlis	215	98.2	4	1.8	219	100.0
Selangor	1,900	91.8	170	8.2	2,070	100.0
Gombak	243	81.5	55	18.5	298	100.0
Klang	182	93.3	13	6.7	195	100.0
Kuala Langat	88	83.8	17	16.2	105	100.0
Kuala Selangor	313	96.9	10	3.1	323	100.0
Petaling	61	73.5	22	26.5	83	100.0
Sabak Bernam	812	98.2	15	1.8	827	100.0
Sepang	37	86.0	6	14.0	43	100.0
Ulu Langat	81	81.8	18	18.2	99	100.0
Ulu Selangor	83	85.6	14	14.4	97	100.0
Terengganu	8,909	99.6	37	0.4	8,946	100.0
Besut	388	98.5	6	1.5	394	100.0
Dungun	1,906	99.7	6	0.3	1,912	100.0
Kemaman	1,204	99.7	4	0.3	1,208	100.0
Kuala Terengganu	1,688	99.7	5	0.3	1,693	100.0
Marang	1,450	99.6	6	0.4	1,456	100.0
Hulu Terengganu	361	98.4	6	1.6	367	100.0
Setiu	799	99.9	1	0.1	800	100.0
Kuala Nerus	1,113	99.7	3	0.3	1,116	100.0
Sabah	4,117	99.3	27	0.7	4,144	100.0
Tawau	810	99.9	1	0.1	811	100.0
Lahad Datu	62	98.4	1	1.6	63	100.0
Semporna	116	100.0	-	-	116	100.0
